



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 63  
No. 9

**25hb April 2019**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

*LAND ACQUISITION ACT 1960*

(*Act 486*)

**No. 501.**

(Seksyen 4)

(*Section 4*)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

*NOTICE THAT LAND IS LIKELY TO BE ACQUIRED*

Dengan ini adalah diberitahu bahawa tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud yang berikut:

tujuan awam di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] iaitu Pembinaan Pusingan ‘U’ di Persimpangan Jalan Jelutong/Jalan Perak.

2. Dengan ini, adalah selanjutnya diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut.

*It is hereby notified that lands in the locality described in the Schedule hereto, including those lands, if any, specified by its lot number or by the lot numbers of neighbouring lands, are likely to be needed for the following purpose:*

*public purpose under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486] to wit a Construction of U-Turn at intersection of Jalan Jelutong/Jalan Perak.*

2. *It is further notified that any person authorised by the State Director in that behalf may enter upon any land in such locality in order to examine it and undertake survey operations. If any damage is done in the course of such work, compensation therefore will be paid. Any dispute as to the amount of such compensation will be referred to the Land Administrator at the District and Land Office, District of Timur Laut.*

**JADUAL/SCHEDULE**

Bandar/Town—Jelutong, Seksyen 1. Daerah/District—Timur Laut. No. Lot/Lot No.—647 dan 648.

Bertarikh 15 April 2019

*Dated 15 April 2019*

[PTG/PT/DTL/(S)/257; PTTL/B/294; PUNPP 352/100/1/2/EA/12 Jld. 12]

HAJI AKMAR BIN HAJI OMAR  
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang/  
Deputy Director of Lands and Mines  
Penang

**No. 502.**

(Seksyen 4)

(Section 4)

**NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL**

***NOTICE THAT LAND IS LIKELY TO BE ACQUIRED***

Dengan ini adalah diberitahu bahawa tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud yang berikut:

tujuan awam di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] iaitu Perindustrian dan Pembangunan Bercampur.

2. Dengan ini, adalah selanjutnya diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan

kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaan pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan.

*It is hereby notified that land in the locality described in the Schedule hereto, including those lands, if any, specified by its lot number or by the lot numbers of neighbouring lands, are likely to be needed for the following purpose:*

*public purpose under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486] to wit an Industrial and Mixed Development.*

*2. It is further notified that any person authorised by the State Director in that behalf may enter upon any land in such locality in order to examine it and undertake survey operations. If any damage is done in the course of such work, compensation therefore will be paid. Any dispute as to the amount of such compensation will be referred to the Land Administrator at the District and Land Office, District of Seberang Perai Selatan.*

#### JADUAL/SCHEDULE

Mukim/Mukim—11. Daerah/District—Seberang Perai Selatan. No. Lot/Lot No.—1331, 1332, 1333, 1334, 1336, 1337, 1338, 1339, 1340, 1341, 1345, 1346, 1347, 1349, 1481, 1577, 1578, 1397, 1369 dan 3903.

Bertarikh 15 April 2019

*Dated 15 April 2019*

[PTG/PT/SPS/370 Jld. 1; PTSPS/B/447 Jld. 3;  
PUNPP 352/100/1/2/EA/12 Jld. 12]

HAJI AKMAR BIN HAJI OMAR  
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang/  
Deputy Director of Lands and Mines  
Penang

**No. 503.**

(Seksyen 8)

(*Section 8*)

#### PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

#### *DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION*

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah dan kawasan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

tujuan awam di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] iaitu Pembinaan Pusingan ‘U’ di Persimpangan Jalan Jelutong/Jalan Perak.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

506

[25hb April 2019]

2. Pelan bagi tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah dan kawasan itu.

*It is hereby declared that the particular land and area specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:*

*public purpose under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486] to wit a Construction of U-Turn at intersection of Jalan Jelutong/Jalan Perak.*

2. A plan of the particular land and area so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Timur Laut. Bandar/Town—Jelutong, Seksyen 1.

No. Lot Ukur/ Survey Lot No.	Hakmilik atau Kependudukan/ Title or Occupation	Tuan Tanah Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan/ Registered Proprietor or Recorded Occupant	Keluasan Lot/ Area of Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil/ Approximate Area to be Acquired
	GRN		Meter Persegi/ Square Metres	Meter Persegi/ Square Metres
647	33047 (1st Grade)	Lim Moy, Tan Ai Gaik dan Tan Hong Hoe sebagai Pentadbir 1, 1/1 bhg.	307.0345	307.0345
648	33048 (1st Grade)	Lim Moy, Tan Ai Gaik dan Tan Hong Hoe sebagai Pentadbir 1, 1/1 bhg.	239.2175	239.2175

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019

[PTG/PT/DTL/(S)/257; PTTL/B/294; PUNPP 352/100/1/2/EA/12 Jld. 12]

HAJI AKMAR BIN HAJI OMAR  
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang/  
Director of Lands and Mines  
Penang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA